

PEMAKAIAN *QARINAH QAT'ITYYAH* DALAM SABITAN KES JENAYAH SYARIAH: ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA KONSEP DENGAN REALISASI DI MAHKAMAH SYARIAH

(The Application of Qarinah Qat'iyyah in Syariah Criminal Convictions: A Comparative Analysis of the Concept and its Realisation in the Syariah Court)

Ahnaf Ahmad¹
ahnaf@esyariah.gov.my

Ramalinggam Rajamanickam²
rama@ukm.edu.my

Muhamad Helmi Md. Said³
mhelmisaid@ukm.edu.my

Mohd Zamre Mohd Zahir⁴
zamre@ukm.edu.my

Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu, Aras 5 Bangunan Mahkamah Syariah, Jalan Sultan Mohamad, 21100 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.¹

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.^{2, 3 & 4}

Pengarang Koresponden (*Corresponding author*): ¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Ahnaf Ahmad, Ramalinggam Rajamanickam, Muhamad Helmi Md. Said & Mohd Zamre Mohd Zahir. (2025). Pemakaian *qarinah qat'iyyah* dalam sabitan kes jenayah syariah: Analisis perbandingan antara konsep dengan realisasi di mahkamah syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(1), 29–52. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/kanun.37(1)no2)

Peroleh: Received:	29/6/2024	Semakan: Revised	17/12/2024	Terima: Accepted:	16/1/2025	Terbit dalam talian: Published online	23/1/2025
-----------------------	-----------	---------------------	------------	----------------------	-----------	--	-----------

Abstrak

Dalam penghakiman kes di mana-mana mahkamah, keadilan merupakan matlamat utama. Proses memperoleh keadilan pula memerlukan hakim bergantung harap pada kaedah pembuktian, termasuklah penggunaan *qarinah*. *Qarinah* terbukti penting dan digunakan dalam sejarah peradaban Islam. Dari sudut penerimaan, *qarinah* banyak

membantu menyelesaikan pertikaian dalam kes harta, munakahat atau pembunuhan, begitu juga kes yang melibatkan hukuman takzir, qisas dan hudud. Di Malaysia, undang-undang keterangan Islam tentang *qarinah* yang terpakai di mahkamah syariah diperuntukkan dengan komposisi yang sangat besar sebagaimana yang terdapat dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] dan enakmen negeri yang lain. Namun begitu, konsep *qarinah* tidak diletakkan dalam landasan yang sewajarnya. Hal ini dikatakan demikian kerana akta dan enakmen berkenaan diformulakan mengikut pola undang-undang Inggeris. Akibatnya, skop dan pemakaian *qarinah* disempitkan sehinggakan kekuatan dalalah *qarinah* tidak diketengahkan sebagai suatu undang-undang. Sehubungan dengan itu, pengkaji membincangkan kekuatan dalalah *qarinah* dalam sabitan kes, terutamanya kes jenayah syariah. Dalam kajian ini, kekuatan dalalah *qarinah* dinilai, sama ada wajar ditentukan terlebih dahulu atau tidak, sebelum hakim mengambil kira keterangan yang dikemukakan di hadapannya. Bagi tujuan ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif yang berpandukan kajian kepustakaan dengan menganalisis sumber primer dan sekunder, seperti kitab karangan ahli ulama fiqh, statut, kes yang dilaporkan dan tidak dilaporkan, serta penulisan akademik. Pengkaji mendapati bahawa kekuatan dalalah *qarinah*, sama ada *qarinah qat'iyah*, atau *qarinah kaazibah* atau *qarinah dha'ifah*, amat penting untuk ditentukan berdasarkan fakta sesuatu kes. Hal ini membantu memberikan ruang kepada hakim syarie untuk mentafsirkan kekuatan dalalah *qarinah* dengan lebih berkesan.

Kata kunci: *Qarinah*, undang-undang keterangan Islam, kekuatan dalalah *qarinah*, *qarinah qat'iyah*, mahkamah syariah, akta dan enakmen keterangan

Abstract

Justice is the ultimate goal in adjudication within any court. Achieving justice requires judges to rely on methods of evidence, including the use of qarinah. Historically, qarinah has proven to be essential tool in Islamic civilization. In terms of admissibility, qarinah has played a critical role in resolving disputes in cases related to property, marriage-related issues (munakahat), homicide, and cases under takzir, qisas, and hudud punishments. In Malaysia, the Islamic law of evidence concerning qarinah, as applied in syariah courts, is extensively provided under the Syariah Court Evidence Act (Federal Territories) 1997 [Act 561] and other state enactments. However, the concept of qarinah has not been placed on its proper footing. This is due to these acts and enactments

being modelled after English legal principles, which narrow the scope and application of qarinah and underutilise its evidentiary weight as a governing law. This article discusses the strength of the dalalah qarinah in convicting cases, particularly in syariah criminal cases. The study evaluates whether the strength of the dalalah qarinah should be determined beforehand by judges when considering the evidence presented. A qualitative approach was adopted, utilising a literature review to analyse primary and secondary sources such as books written by fiqh scholars, statutes, reported and unreported cases, and academic writings. The findings reveal that the strength of the dalalah qarinah, whether it is qarinah qat'iyyah, qarinah kaazibah, or qarinah dha'ifah is crucial and must be determined based on the facts of each case. This approach allows syari'e judges greater flexibility in effectively interpreting the dalalah qarinah.

Keywords: Qarinah, Islamic evidence law, strength of dalalah qarinah, qarinah qati'yyah, syariah court, evidence acts and enactments

PENDAHULUAN

Keterangan atau *al-bayyinah* pada sisi undang-undang keterangan Islam sangat diperlukan untuk membolehkan seseorang itu membuktikan setiap tuntutan atau dakwaan dalam prosiding kehakiman di mahkamah syariah. *Al-bayyinah* merujuk setiap perkara yang menjelaskan atau menzahirkan hak atau kepentingan (Ibn Qayyim, t.t.). Menurut hukum syarak, keterangan menjadi sah setelah ada tuntutan atau pendakwaan (Siti Zalikah Md. Nor, 2006). Ketika perbicaraan kes mal dan kes jenayah syariah, keterangan menjadi hujah oleh pihak yang menuntut atau pihak pendakwaan untuk membuktikan kes. Keterangan juga diperlukan oleh pihak kena tuntutan atau pihak lawan untuk membuktikan sebaliknya. Tanpa keterangan, hakim tidak boleh memutuskan sesuatu keputusan atau hukuman melainkan perkara zahir yang dikemukakan kepadanya (Mohd Badrol Awang, 2022). Hak dan kepentingan pihak ditentukan berdasarkan kekuatan hujah berkenaan. Jika keterangan mencukupi, mahkamah memperoleh hasil dapatan yang memihak kepada yang lebih berhak. Pada peringkat ini, penanggungjawab beban pembuktian dapat ditentukan, sama ada pihak yang menuntut, pihak kena tuntutan, pihak pendakwaan atau pihak lawan. Prinsip ini menjadi kaedah asas dalam penghakiman yang ditetapkan berdasarkan kaedah fiqh seperti yang dinyatakan oleh Mustafa Ahmad Zarqa (1989), iaitu:

“Orang yang mendakwa hendaklah mendatangkan [mengemukakan] keterangan dan sumpah adalah ke atas [terhadap] mereka yang engkar (menafikan pertuduhan)”.

Keterangan yang dimaksudkan itu berbagai-bagai yang meliputi ikrar (pengakuan atau pengakuan salah), syahadah (kesaksian), *qara'in* (*qarinah*), *al-yamin* (sumpah), *'ilm al-qadhi* (pengetahuan hakim), *ra'yu al-khabir* (pendapat pakar) dan lain-lain. Setiap kaedah pembuktian tersebut mempunyai kuantum pembuktian yang berbeza-beza. Kaedah ini merupakan suatu wasilah atau kaedah untuk membuktikan sesuatu fakta. Ada kaedah yang mempunyai kekuatan yang cukup untuk membuktikan kes, dan sebaliknya, iaitu ada kaedah yang tidak mempunyai kekuatan sedemikian. Selain itu, ada kaedah yang dapat berdiri sendiri sebagai suatu bukti tanpa memerlukan kaedah lain sebagai sokongan, dan ada kaedah yang memerlukan kaedah lain sebagai sokongan. Keterangan yang kuat diterima, manakala keterangan yang tidak kuat ditolak atau boleh dipertimbangkan. Semua kaedah pembuktian ini mempunyai konsep yang tersendiri. Namun begitu, kaedah pembuktian ini dapat digunakan dalam pembuktian kes secara berasingan dan dapat juga digunakan secara bersama-sama sebagai sokongan berdasarkan kesesuaian kes. Oleh itu, keterangan berperanan penting bagi membantu hakim membuat keputusan atau menetapkan hukuman.

Berbeza daripada undang-undang substantif (substantive law) yang menentukan hak, tanggungjawab dan tanggungan pihak, undang-undang keterangan Islam di negara ini dikategorikan di bawah undang-undang tatacara (procedural law) kerana sifatnya yang mengawal tindakan pihak untuk meyakinkan mahkamah atas kewujudan sesuatu fakta. Hal ini bermakna bahawa pihak yang menuntut atau pihak pendakwaan hendaklah mengemukakan apa-apa keterangan kepada mahkamah bagi membuktikan kewujudan sesuatu fakta, manakala pihak yang kena tuntutan atau pihak lawan sebaliknya hendaklah mengemukakan apa-apa keterangan kepada mahkamah bagi menafikan kewujudan fakta tersebut. Secara umumnya, undang-undang keterangan meliputi cara mengemukakan sesuatu keterangan. Ilmu yang cetek berhubung dengannya dapat mengakibatkan ketidakadilan dalam proses penghakiman.

Pemakaian *qarinah* di mahkamah syariah diperuntukkan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan)

1997 [Akta 561] dan enakmen negeri. *Qarinah* terpakai dalam kes mal dan kes jenayah syariah yang dihukum takzir dan menunjukkan kepentingannya sebagai alat yang kuat untuk membuktikan sesuatu kes. Walau bagaimanapun, akta dan enakmen negeri tidak mengambil kira semua konsep *qarinah* yang disepakati oleh ulama fiqah. Perbincangan tentang *qarinah* ini begitu luas dengan mengambil kira dalil pensyariaan *qarinah*, pandangan mengenai penerimaan *qarinah* dan bahagian *qarinah* yang berasaskan sumber *qarinah*, hubungan *qarinah* dengan *madlulnya* dan kekuatan dalalah *qarinah*. *Madlul* merupakan petunjuk yang diperoleh daripada fakta persoalan yang menentukan fakta yang dicari atau fakta tersembunyi. Dalam kes pembunuhan, fakta bahawa pisau berdarah yang berada pada tangan tertuduh ialah *madlul* terhadap tindakan tertuduh menikam seseorang sehingga mati. Dalalah pula merupakan bukti atau keterangan yang menjadi kayu ukur bagi tahap penerimaan *qarinah*.

Jika diteliti secara mendalam, akta dan enakmen negeri hanya memperuntukkan tafsiran *qarinah* dan bentuk pemakaian *qarinah*. Sebahagian besar peruntukan dalam akta dan enakmen negeri diambil daripada Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. Oleh itu, peruntukan yang berkaitan dengan *qarinah* dalam akta dan enakmen negeri juga telah mengikuti konsep tertentu dalam perundangan barat, seperti konsep kerelevanan (Abdul Rahman Mustafa, 1988). Tambahan pula, *qarinah* banyak kali disamakan dengan keterangan bersandarkan keadaan (circumstantial evidence) atau anggapan (Ruzman Md. Noor, 2012; Zulfakar Ramlee, 2015). Peruntukan tersebut merumitkan kedudukan *qarinah* pada sisi undang-undang, seolah-olah mengecilkan skop dan pemakaiannya, sedangkan *qarinah* mengikut pandangan ulama fiqah lebih bersifat umum dan tidak dikhususkan.

Rentetan itu, akta dan enakmen negeri tidak memperuntukkan ukuran untuk melihat kekuatan dalalah sesuatu *qarinah*. Ukuran ini dapat menentukan, sama ada *qarinah* itu mempunyai dalalah yang *qat'iyah* (kuat), dalalah yang *dha'ifah* (lemah) atau dalalah yang *kaazibah* (palsu). Sumber *qarinah* pada bahagian *qarinah* telah banyak dinaskan dan dapat dijadikan contoh bagi membandingkan kekuatan dalalahnya, terutamanya apabila wujud pertembungan antara dalalah yang *qat'iyah*, *dha'ifah* dan *kaazibah*. Kekuatan dalalah ini amat wajar dipertimbangkan penerimaannya sebagai satu daripada bahagian *qarinah* yang disyariatkan dalam Islam.

KAJIAN LEPAS

Terdapat banyak kajian terdahulu yang membincangkan skop dan pemakaian *qarinah* dalam undang-undang keterangan Islam. *Qarinah* dibahaskan oleh cendekiawan Islam, terutamanya ulama fiqah dalam kalangan ulama *mutaqaddimin* (terdahulu) dan *mutaakhirin* (kontemporari). Pelbagai contoh *qarinah* diberikan oleh ulama *mutaqaddimin*, seperti dalam kalangan mazhab Hanbali, iaitu Ibn Taimiyyah (t.t.), Ibn Qayyim (t.t.) dan dalam kalangan mazhab lain, seperti Ibn Farhu (1995), al-Qarafi (t.t.), Abd al-Mun'i (1954), Ibn Hazm (t.t.), al-Nawawi (1993) dan al-Qurtubi (2006) menggambarkan perihal *qarinah*. Antara contoh tersebut termasuklah kisah Nabi Yusuf a.s. dan Zulaikha, Nabi Yusof a.s. dan serigala, mengandungi dalam kes zina, bau dan muntah dalam kes arak dan sifat barang dalam kes curi. Walaupun perbincangan tersebut tidak diperincikan oleh ulama *mutaqaddimin* di bawah satu perbincangan, skop dan pemakaian *qarinah* yang dibincangkan menunjukkan konsep yang jelas dan mudah difahami.

Ulama *mutaakhirin* kemudiannya meletakkan perbincangan *qarinah* secara terperinci di bawah skop perbincangan khusus bagi membezakan antara *qarinah* dengan kaedah pembuktian yang lain. Antaranya termasuklah Wahbah al-Zuhaili (1989), Abdul Karim Zaidan (1983), Muhammad al-Zuhaili (2011), Sayyid Sabiq (1983), Ahmad Fathi al-Bahnasi (1989), Ibrahim Muhammad Faez (1983) dan Abdullah Sulaiman Muhammad (2006). Walaupun terdapat hujah yang dikemukakan oleh ulama fiqah daripada setiap mazhab tentang konsep *qarinah* ini yang menyebabkan perbezaan hukum, perkara tersebut tidak membataskan penerimaan *qarinah*. Dalam hal ini, Wahbah al-Zuhaili (1989:708) menyatakan bahawa “Penghakiman berdasarkan *qarinah* merupakan satu sumber hukum syarak sama ada ketika itu ada keterangan (kesaksian) atau pengakuan atau dalam hal keadaan tidak ada apa-apa kaedah pembuktian lain”.

Jika diamati, kebanyakan ulama fiqah dalam kalangan ulama *mutaqaddimin* mendefinisikan *qarinah* secara umum, manakala ulama *mutaakhirin* mendefinisikan *qarinah* dari sudut bahasa dan istilah. Ulama berkenaan membincangkan definisi *qarinah* setelah merujuk contoh *qarinah*, seperti dalil pensyariatan atau merujuk definisi sedia ada. Sesetengah ulama *mutaakhirin* menganalisis definisi *qarinah*, namun skopnya terlalu sempit apabila pemakaian *qarinah* telah diterima dalam keadaan yang tertentu sahaja. Contohnya, Sayyid Sabiq (1983) menetapkan syarat untuk menerima *qarinah*, iaitu *qarinah* tersebut hendaklah berada pada peringkat yakin sahaja, iaitu *qat'ie*, apabila

mendefinisikan *qarinah*. Hal ini menyebabkan wujudnya sempadan dalam penerimaan *qarinah* yang hanya bersifat *qat'iyah*. Walaupun begitu, kebanyakan ulama *mutaakhirin* masih menggunakan definisi *qarinah* sebagai suatu *al-amarat* (tanda) atau *al-'alamat* (alamat) sebagaimana yang ditekankan oleh ulama *mutaqaddimin*. Dalam perbincangan bahagian *qarinah* pula, ulama *mutaakhirin* membahagikan *qarinah* berasaskan kekuatan dalalah *qarinah*. Pembahagian ini menjadi kayu ukur untuk menentukan tahap pembuktian *qarinah* yang merangkumi *qarinah qat'iyah*, *qarinah dha'ifah* dan *qarinah kaazibah*. Kekuatan dalalah *qarinah* amat bergantung pada sesuatu fakta dan pasti wujud perbezaan dalam tiap-tiap kes.

Secara asasnya, perkara yang diketengahkan yang berhubung dengan konsep *qarinah* di mahkamah syariah mengambil kira peruntukan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561) dan enakmen negeri di bawah subeksyen 3(1), Seksyen 4, serta Seksyen 5 hingga Seksyen 42. Ahli akademik dan pakar undang-undang tempatan, seperti Zulfakar Ramlee (2007), Mahmud Saedon A Othman (1990), Siti Zalikah Md. Nor et al. (2006) dan Anwarullah (2010), menerima pakai *qarinah* seperti yang terdapat dalam dalil pensyarian dan memperaku *qarinah* yang meliputi kekuatan dalalahnya. Daripada rujukan tersebut, konsep *qarinah* dibincangkan mengikut perspektif amalan undang-undang. Namun begitu, kebanyakan buku ilmiah tersebut tidak membincangkan penggunaan *qarinah* dari sudut undang-undang dalam akta dan enakmen negeri dengan jelasnya. Bagi mengelakkan kekeliruan dan kekaburan, terutamanya dalam konteks kekuatan dalalah *qarinah*, konsep *qarinah* yang diterima dalam peruntukan undang-undang perlu dilihat dan dibandingkan dengan realisasi pemakaiannya di mahkamah syariah.

Antara penulis lain yang banyak mengulas berkenaan *qarinah* termasuklah Ruzman Md. Noor (2007, 2008, 2012, 2015) dan Zulfakar Ramlee (2015, 2019). Ruzman Md. Noor meletakkan persoalan lakuna yang berkaitan dengan konsep *qarinah* dan fakta relevan atau keterangan dalam peruntukan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]. Walaupun begitu, undang-undang keterangan Islam yang diterangkan meliputi kaedah pembuktian yang pelbagai dan bersifat umum. Tambahan pula, lakuna tentang pemakaian *qarinah* dari segi undang-undang juga bersifat umum. Tambahan pula, keperluan untuk diadakan suatu peruntukan undang-undang berhubung dengan kekuatan dalalah *qarinah* tidak dibincangkan. Lantaran itu,

kekaburan dan kekeliruan lakuna tersebut perlu diperdalam penjelasannya agar dapat menentukan kedudukan *qarinah* yang sebenar mengikut undang-undang keterangan Islam.

METODOLOGI

Kajian ini dilakukan berasaskan kajian perundangan tulen dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif yang bercirikan doktrinal. Kajian doktrinal ini meneliti data dan dokumen berfokuskan konteks undang-undang secara kritis (Mohd Zamre Mohd Zahir et al., 2019). Data yang berkaitan dengan *qarinah qat'iyah* dipetik dan dikumpulkan setelah pandangan ulama fiqh dan perkembangan undang-undang keterangan Islam pada masa ini dianalisis melalui kajian perpustakaan. Kajian ini juga melihat aspek semula jadi dan tafsiran yang digunakan dalam dokumen yang dikaji (Siti Zalzaliza Zulkhafri et al., 2023). Analisis data dilakukan secara analisis kandungan dan analisis kritis melalui kitab *turath*, buku, jurnal, tesis, statut, terutamanya Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] dan enakmen negeri, serta kes yang dilaporkan dan kes yang tidak dilaporkan untuk mengenal pasti standard pemakaian *qarinah* di mahkamah syariah. Kajian ini turut menggunakan kaedah deskriptif terhadap data kajian yang diperolehi. Selain itu, pengkaji menemu bual beberapa informan yang terdiri daripada hakim syarie yang berpengalaman di negeri untuk mengenal pasti kekuatan dalalah *qarinah* yang terpakai di mahkamah syariah dalam kes jenayah syariah, selain menyokong analisis perbandingan antara konsep *qarinah qat'iyah* dengan realisasi pemakaiannya. Tatkala itu, kekuatan dalalah *qarinah* tersebut bukan sahaja dapat dilihat dari sudut hukum syarak sahaja, malah dari sudut undang-undang. Data temu bual ini dicatat dengan menggunakan kaedah transkripsi terhadap rakaman yang dilakukan.

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan definisi dan konsep *qarinah*, terutamanya dari sudut tahap kekuatan dalalahnya, sama ada *qarinah* tersebut *qat'iyah*, *kaazibah* atau *dha'ifah*. Seterusnya, pengkaji meneliti konsep *qarinah* dan realisasi pemakaian *qarinah qat'iyah* dalam sabitan jenayah syariah di mahkamah syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam akta dan enakmen negeri.

***Qarinah* sebagai Suatu Kaedah Pembuktian Menurut Syarak**

Kata *qarinah* diambil daripada *al-muqaranah* yang bermaksud *al-mulazhimah* (mendampingi) dan *al-mushahibah* (menemani) (al-Jurjani, 1985; Ajlaani, 2006; Ibrahim Anis, 1972). Maksud yang diberikan ini diterangkan oleh al-Qurtubi (2006) dengan merujuk maksud firman Allah SWT dalam surah az-Zukhruf ayat 36 seperti yang dinyatakan dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman (2022:1073) bahawa “Dan sesiapa yang tidak mengendahkan pengajaran (al-Quran yang diturunkan Allah) Yang Maha Pemurah, Kami akan adakan baginya syaitan (yang menghasut dan menyesatkannya), lalu menjadilah syaitan itu temannya yang tidak renggang daripadanya”.

Dari sudut bahasa, Wahbah al-Zuhaili (1985) mendefinisikan *qarinah* dengan merujuk istilah *qarinah* yang diberikan oleh al-Jurjani sebagaimana yang terkandung dalam kitab *Al-Ta'rifat* sebagai alamat yang menunjukkan sesuatu yang dikehendaki. Pengertian ini menggambarkan *qarinah* sebagai ‘alamat (alamat), isim jamaknya *al-'alamat* (alamat-alamat). Mafhumnya, alamat-alamat inilah yang menghubungkan sesuatu yang lain, seterusnya membawa sesuatu petunjuk.

Menurut Mustafa Ahmad al-Zarqa (1968), *qarinah* didefinisikan sebagai setiap *al-amarat* (tanda) zahir yang mempunyai hubungan dengan sesuatu fakta yang terselindung, sekali gus menunjukkan (sesuatu hujah) terhadapnya. Sehubungan dengan itu, *qarinah* mempunyai hubung kait dengan sesuatu yang lain atau dengan sesuatu keadaan zahir yang tidak bercanggah dengan pembuktian yang lain (Ajlaani, 2006). Menurut Abdul Karim Zaidan (1997), *qarinah* merupakan tanda dan alamat-alamat yang menunjukkan wujudnya sesuatu atau menafikan (kewujudan) sesuatu isu atau fakta. Ahmad Fathi al-Bahnasi (1989) pula mengaitkan *qarinah* dengan suatu penghubung penting antara kebenaran sesuatu kejadian atau hasil yang membolehkan hakim membuat kesimpulan daripada hakikat sebenar sesuatu kejadian. Tafsiran ini menunjukkan bahawa *qarinah* mengambil kira apa-apa keterangan yang mempunyai hubungan dengan sesuatu isu atau fakta yang dipertikaikan atau fakta lain yang tidak zahir.

Walaupun begitu, kebanyakan ulama fiqah mendefinisikan *qarinah* dengan *al-amarat* atau *al-'alamat* (al-Faez, 1983). Fakhruddin al-Razi (1979) merujuk *al-amarat* sebagai tanda yang wujud dalam pertuturan seseorang yang juga dikenali sebagai *qara'in maqliyyah*, *qarinah lafziyyah* atau *qarinah ma'nawiyyah*. *Al-'alamat* pula ialah tanda yang

wujud berdasarkan hal keadaan atau suasana keliling yang juga dikenali sebagai *qara'in al-ahwal* atau *qara'in al-halliyyah*.

Menurut Anwarullah (2010), *qarinah* merupakan keterangan bersandarkan keadaan. Dari sudut perundangan, Anwarullah mentafsirkan *qarinah* sebagai suatu inferen logik yang diambil daripada sesuatu yang dilakukan atau daripada keadaan yang berdasarkan perkara itu menjadi muktamad dan tanda yang menjadikan perkara itu pasti. Menurut Anwarullah lagi, *qarinah* juga dikenali sebagai anggapan yang bermaksud kesimpulan atau inferen mengenai kebenaran beberapa fakta yang dipersoalkan yang diambil daripada fakta lain yang terbukti atau diakui benar.

Dalam sistem kehakiman Islam, pemakaian *qarinah* diiktiraf bagi membolehkannya diberikan keutamaan dari sudut pemakaian dan kebolehterimaan. Penerimaan *qarinah* sebagai undang-undang keterangan Islam untuk membuktikan sesuatu kes disandarkan pada hujah daripada nas al-Quran, sunah Rasulullah SAW, *athar*, iaitu sesuatu yang disandarkan pada sahabat daripada amalannya, dan *'aqli* (logik akal). Antara dalil pensyarian *qarinah* seperti yang dinyatakan dalam nas al-Quran termasuklah kisah masyhur Nabi Yusuf a.s. yang dikatakan dimakan oleh serigala, iaitu “Mereka datang membawa baju (yang berlumuran darah) dengan darah palsu ...”, dan kisah baju Nabi Yusuf a.s. yang dikoyakkan oleh Zulaikha dari belakang (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 2022, 18 & 27). Selain itu, kisah yang dinyatakan pada zaman Rasulullah SAW dan *athar* sahabat, seperti darah pada pedang dalam kes bunuh Abu Jahal, bau mulut peminum arak atau muntah arak, anak dara hamil tanpa suami, Saidina Ali r.a. mencurahkan air panas pada kesan telur putih yang disangka air mani pada pakaian wanita yang mendakwa dirogol, semuanya berkisarkan pembuktian *qarinah* (Ahnaf Ahmad et al., 2024). Dengan bersumberkan hujah berkenaan, lahirilah pelbagai pandangan daripada ulama fiqh dalam kalangan ulama *mutaqaddimin* dan *mutaakhirin*, terutamanya pandangan yang diterajui oleh anak murid Ibn Taimiyyah, iaitu Ibn Qayyim daripada mazhab Hanbali, dan daripada mazhab lain, seperti Ibn Farhun, al-Qarafi, Abd al-Mun'im, Abu Hassan al-Mawardi, Ibn Hazm, al-Nawawi, al-Kasani dan al-Qurtubi.

Sekalipun begitu, kaedah pembuktian *qarinah* ini diterima dan digunakan oleh majoriti ulama fiqh dalam keempat-empat mazhab sebagai hujah penerimaan, sama ada diterima secara langsung tanpa membantah, atau secara tidak langsung ketika mengistinbat sesuatu hukum. Ibn Qayyim daripada mazhab Hanbali merupakan antara yang paling menonjol berhujah

berkenaan dengan *qarinah* dan menerimanya secara langsung. Sebagaimana disebut dalam kitab *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar'iyah*, ulama ini bersungguh-sungguh mempertahankan penerimaan *qarinah* dalam penetapan hukum. Antara ulama fiqah lain yang menerima *qarinah* termasuklah Ibn Farhun, Ibn al-Arabi, Ibn Juzzi dan al-Qarafi dalam kalangan mazhab Maliki, serta Ibn Gharras dalam kalangan mazhab Hanafi. Ulama fiqah yang menerima *qarinah* secara tidak langsung ketika mengistinbat sesuatu hukum pula meliputi ulama mazhab Hanbali, seperti Ibn Taimiyyah dan Ibn Rajab, ulama mazhab Hanafi, seperti Imam al-Bukhari, al-Kasani, al-Tarablisi, al-Mawardi dan Ibn Hazmi al-Andalusi, serta ulama mazhab Syafi'e, seperti Izz al-Din ibn Abd al-Salam dan al-Nawawi. Perbincangan ulama ini tidak membataskan perihal kehakiman, sebaliknya meliputi juga aspek akidah, ibadat dan akhlak. Hal ini menunjukkan bahawa dalam hukum syarak, *qarinah* digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang.

Tahap Kekuatan Dalalah *Qarinah*

Sesuatu *qarinah* itu diterima dengan cara mengukur kekuatan dalalahnya dan kelemahannya. Terdapat tiga tahap kekuatan dalalah *qarinah*, iaitu *qarinah qat'iyah* (kuat), *qarinah dha'ifah* (lemah) dan *qarinah kaazibah* (palsu). Walau bagaimanapun, sesetengah ulama fiqah hanya membincangkan *qarinah qat'iyah* dan *qarinah dha'ifah*.

Qarinah qat'iyah merupakan *al-amarat* yang sangat pasti dan berada pada peringkat yakin (Abdul Karim Zaidan, 1997; Wahbah al-Zuhaili, t.t.). Sebahagian besar ulama fuqaha mengambil kira *qarinah qat'iyah* bagi membolehkan sesuatu perkara itu diputuskan dan disabitkan. Perkara tersebut merupakan keterangan yang muktamad dan sangat sesuai dijadikan hujah dan dalil sebelum berhukum. Tambahan pula, *qarinah qat'iyah* tidak memerlukan apa-apa sokongan atas dasar kekuatannya yang boleh berdiri sendiri. Sekalipun dikategorikan sebagai tahap pasti dan yakin, *qarinah qat'iyah* tidaklah melebihi tahap *zan al-ghalib*. Hal ini dikatakan demikian kerana pembuktian sehingga peringkat pasti dan yakin tidak mudah dicapai melainkan dengan dua cara sahaja, iaitu ikrar dan syahadah, sedangkan *qarinah qat'iyah* tidak sama sekali mampu melepasi tahap *al-zan al-ghalib* (al-Bahi, 1965; Lukman Abdul Mutalib, 2018). Sehubungan dengan itu, peringkat penerimaan *qarinah qat'iyah* dikhususkan pada tahap *al-zan al-ghalib*, iaitu berat sangka dan kekuatannya menghampiri yakin. *Qarinah* pada tahap ini hendaklah dapat menghilangkan apa-apa syubhah.

Contoh *qarinah qat'iyah* dinyatakan dalam Majallah al-Ahkam al-Adliyyah dan diperuntukkan di bawah Seksyen 1741 berkenaan dengan pembunuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki. *Qarinah* dalam kes pembunuhan tersebut berasaskan keadaan diri pembunuh yang dalam ketakutan setelah keluar dari sebuah rumah kosong sambil memegang sebilah pisau yang berlumuran darah (Ibn Qayyim, t.t.). *Qarinah* ini tidak menimbulkan kemungkinan bahawa mangsa itu membunuh diri, tetapi sangat kuat kecenderungan untuk menyatakan dan sehingga tidak dapat menolak kemungkinan bahawa lelaki tersebutlah pembunuhnya (Abdul Karim Zaidan, 1997). Contoh lain yang menepati *qarinah qat'iyah* ialah kisah Nabi Yusuf a.s. seperti yang dinyatakan sebelum ini, dan hukuman terhadap perempuan hamil tanpa suami dan tidak pula dimiliki (hamba) menjadi bukti bahawa dirinya telah berzina (Abdul al-Qadir Ra Audah, 1992). Muhammad al-Zuhaili (2011) mengiktiraf beberapa *qarinah qat'iyah* pada masa ini yang dikatakan sebagai bentuk penemuan ilmiah baharu, seperti analisis darah, cap jari dan ujian DNA. *Qarinah* berbentuk ini membantu menguatkan pembuktian sebagai bahan bukti seiring dengan ketamadunan teknologi yang mengikat hakim untuk membuat keputusan.

Qarinah dha'ifah pula *qarinah* yang mempunyai dalil yang hampir sama atau sebaliknya, dan digunakan untuk mentarjihkan dalil yang lain, lalu menguatkannya. Tahap *qarinah* ini tidak sampai hingga peringkat yakin, tetapi dalalahnya turun hingga peringkat *ihtimal* atau kebarangkalian dan perlu disokong atau digabungkan dengan sesuatu dalil, hujah atau *qarinah* lain sebelum kesahihannya boleh diterima. Dalam hal ini, walau keterangan yang dikemukakan banyak, hakim masih perlu menilainya, sama ada mahu menerima atau menolaknya. Sekiranya *qarinah* tersebut lebih kuat atau bertentangan dengan *qarinah qat'ie*, *qarinah dha'ifah* terbatal. Hal ini bermakna bahawa walaupun keterangan mengandungi tanda yang tidak pasti atau andaian, *qarinah dha'ifah* tersebut masih boleh digunakan untuk mentarjihkan sesuatu perkara sebagai bentuk sokongan dan masih boleh diterima untuk pembuktian selagi *qarinah* yang diperoleh dapat menghilangkan keraguan.

Contoh *qarinah dha'ifah* pula dapat dilihat dalam konflik suami isteri dalam rumah tangga yang melibatkan pertikaian pemilikan barang rumah. Dalam contoh ini, suami isteri tidak dapat membuktikan hak pemilikan barang tersebut. Oleh itu, konflik ini dihukum berdasarkan kemungkinan besar barang berkenaan dimiliki atau dipakai oleh suami isteri tersebut, seperti senjata diberikan kepada suami dan barang perhiasan diberikan

kepada isteri (Ibn Farhun, 1995). Contoh lain dapat dilihat dalam kes nabi Yusuf a.s. yang dikhianati oleh saudaranya (al-Syarwani, t.t.; Sadlan, 1998). Saudara nabi Yusuf a.s. membawa baju nabi Yusuf a.s. yang berlumuran darah dengan dakwaan bahawa nabi Yusuf a.s. dibaham oleh serigala. Hakikatnya, saudara nabi Yusuf AS telah mencampakkan baginda ke dalam perigi dan melumurkan darah seekor anak biri-biri yang disembelih pada baju tersebut. Yang menariknya, *qarinah* baju yang tidak koyak lebih kuat dan bertentangan dengan *qarinah* kesan darah pada baju tersebut.

Qarinah kaazibah pula tidak diterima atas dasar syak, ketidakpastian dan tidak dapat diandaikan sebagai sesuatu yang boleh melawan sesuatu dalil yang lebih kuat daripadanya (Samrut, 2007). Walaupun mempunyai asas, percanggahannya dengan *qarinah* lain yang lebih kuat menyebabkannya terbatal dan tidak boleh diterima. Hal ini dapat dilihat dalam kisah nabi Yusuf a.s. tersebut. Nabi Yaakub a.s. menganalisis baju nabi Yusuf a.s. yang tidak koyak dan tiada kesan cakaran serigala sebagai *qarinah* bahawa insiden sedemikian tidak berlaku, sekali gus menafikan berita dusta yang didakwa oleh saudaranya. Sungguhpun *qarinah* daripada baju dan darah dibawa oleh saudara nabi Yusuf a.s, Allah SWT telah menunjukkan *qarinah* lain yang sebaliknya dan lebih kuat daripada *qarinah* baju dan darah tersebut, iaitu koyakan dan kesan cakaran. Walaupun berita dusta yang didakwa oleh saudara nabi Yusuf a.s. disertakan dengan bukti yang sangat kuat, nabi Yaakub a.s. masih dapat menilainya berdasarkan *qarinah* lain yang lebih kuat yang mengatasi dakwaan tersebut.

Penggunaan *Qarinah* dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] dan Enakmen Negeri

Apabila membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman, akta dan enakmen negeri menguatkuasakan keterangan sebagai instrumen pensabitan. Struktur dan kandungan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] dan enakmen negeri digubal berdasarkan acuan Akta Keterangan 1950 [Akta 56]. Secara asasnya, Akta Keterangan 1950 [Akta 56] merupakan salinan model Akta Keterangan India 1872 yang dirangka oleh Sir James Fitzjames Stephen (Hamid Sultan Abu Backer, 2010).

Dengan bersumberkan undang-undang barat ini, akta ini diubah suai dan diseragamkan berdasarkan landasan hukum syarak setelah

menerapkan pendekatan tertentu, seperti pemansuhan peruntukan yang bercanggah dengan hukum syarak, termasuklah contoh di luar bidang kuasa mahkamah syariah, menerima semua peruntukan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak dan yang tidak bercanggah dengan bidang kuasa mahkamah syariah, dan menggunakan pelbagai pendapat mazhab dan ulama melalui pendekatan *al-talfiq* dan *al-takhayyur* (Ruzman, 1997, 2008). Selain pendekatan ini, proses penggubalan undang-undang tersebut juga mengimplementasikan kaedah penambahan peruntukan dengan penambahan tafsiran beberapa istilah dan memasukkan peruntukan yang berkaitan (Suhaizad Saifuddin, 2019). Apabila pemansuhan terhadap mana-mana percanggahan dilakukan, secara dasarnya, akta ini telah mengikut undang-undang keterangan Islam yang sebetulnya. Tambahan pula, rujukan muktamad bagi apa-apa peruntukan yang tidak konsisten dan yang lompong masih mengutamakan kehendak hukum syarak seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 130.

Setelah penggubalan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] diiktiraf, undang-undang keterangan Islam diutamakan dalam konteks penggunaannya di mahkamah syariah. Di negeri lain, enakmen yang diwartakan dan dikuatkuasakan juga mengambil pendekatan yang serupa. Hakim dan pengamal undang-undang di mahkamah syariah menjadikan peruntukan yang termaktub sebagai asas, panduan dan hujah ketika membicarakan kes dan penghakiman.

Dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561], peruntukan berkenaan ikrar termaktub dalam Bahagian I Bab 2 di bawah topik Ikrar dan meliputi Seksyen 17 hingga Seksyen 19. Syahadah pula termaktub dalam Bahagian III Bab 2 di bawah topik Saksi, Bab 3 di bawah topik Pemeriksaan Saksi, dan Bab 4 di bawah topik Peruntukan Khas Berhubung dengan Testimoni Saksi yang semuanya meliputi Seksyen 83 hingga Seksyen 129. *Qarinah* termaktub dalam Bahagian I Bab 2 di bawah beberapa topik, meliputi Seksyen 3, Seksyen 5 hingga Seksyen 42 dan termasuklah subseksyen 17(3) seperti dalam Jadual 1.

Dalam Seksyen 3, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, *qarinah* ditafsirkan sebagai fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang dinyatakan dalam akta dan enakmen negeri. Seksyen 3 juga mentafsirkan *qarinah* sebagai sebahagian daripada *bayyinah* apabila memasukkan *qarinah* dalam tafsiran *bayyinah*. Tafsiran *bayyinah* tersebut diperuntukkan sebagai keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan, termasuklah *qarinah*.

Jadual 1 Kerangka Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]. (Sumber: Cetakan semula yang dikemas kini sebagaimana cetakan pada 1 Februari 2013).

Bahagian	Perkara	Bab	Topik
I	Kerelevanan	Bab 1 Permulaan	
		Bab 2 <i>Qarinah</i>	Am <i>Iqrar</i> Pernyataan oleh Orang yang Tidak Dipanggil sebagai saksi Pernyataan yang Dilakukan di Bawah Hal Keadaan Khas Sebanyak Mana Pernyataan yang Dikehendaki untuk Dibuktikan Bila Penghakiman Mahkamah Menjadi <i>Qarinah</i> Bila Pendapat Orang Ketiga Menjadi <i>Qarinah</i> Bila Watak Menjadi <i>Qarinah</i>

Dalam Seksyen 3, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, *qarinah* ditafsirkan sebagai fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang dinyatakan dalam akta dan enakmen negeri. Seksyen 3 juga mentafsirkan *qarinah* sebagai sebahagian daripada *bayyinah* apabila memasukkan *qarinah* dalam tafsiran *bayyinah*. Tafsiran *bayyinah* tersebut diperuntukkan sebagai keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan, termasuklah *qarinah*.

Jika dilihat peruntukan dalam akta dan enakmen negeri, peruntukan tentang *qarinah* sebagai satu daripada undang-undang keterangan Islam termaktub secara paling banyak sehingga mempengaruhi sebahagian besar konsep *qarinah* yang terdapat di dalamnya. Keterangan yang diberikan dalam bentuk *qarinah* ini sememangnya tidak dinafikan dapat memberikan manfaat dan bertindak sebagai satu daripada kunci bagi kata pemutus dalam penghakiman.

Asas Penerimaan *Qarinah Qat'iyah* dalam Penghakiman Kes Jenayah Syariah di Mahkamah Syariah

Penggunaan *qarinah qat'iyah* diperuntukkan di bawah Seksyen 1740 dan Seksyen 1741 Majallah al-Ahkam al-Adliyyah yang menerima *qarinah*

sebagai tanda yang mencapai tahap yakin. Fasal 170 Undang-undang Keterangan Yaman pula menerima *qarinah qat 'iyyah qadha 'iyyah*. Hal ini menunjukkan bahawa *qarinah qat 'iyyah* dapat diterima seandainya hakim berpuas hati dengan keterangan yang dikemukakan ketika prosiding sesuatu kes. Tahap yang kurang kekuatannya perlu diselidiki secara lebih lanjut oleh seseorang hakim itu, sama ada dinilai secara berseorangan atau bersama-sama *qarinah* yang lain, atau menyokong atau disokong oleh kaedah pembuktian lain.

Ibn al-Gharas berpandangan bahawa *qarinah* hanya disokong dan diterima apabila hakim dapat diyakinkan bahawa sesuatu fakta itu pasti. Keyakinan sedemikian bergantung pada fakta sesuatu kes (Abdul Basir Mohamad, 2006). Oleh hal yang demikian, kekuatan dalalah *qarinah* berpandukan keadaan pemakaian *qarinah* dalam sesuatu kes. Contohnya, dalam kes yang melibatkan tangkapan tertuduh dalam kesalahan jenayah syariah, kekuatan dalalah *qarinah* dapat ditentukan dari sudut kerelevanan fakta yang diperoleh ketika tangkapan tersebut, seperti mengambil kira taraf kehidupan individu atau orang yang ditangkap ketika tangkapan tersebut, keseriusan perbuatan yang dilakukan oleh tertuduh dan barang kes yang ditender. Bahkan, Mohd Saleh Ahmad (2005, 2013), O. K. Rahmat (1994), Siti Zalikah Md. Nor (2006) dan Zulkifly Muda (2004) ketika membincangkan konsep *qarinah* dalam penulisan akademik bersetuju dengan sebahagian besar ulama fiqah yang mengkehendaki hakim untuk membuat keputusan dengan *qarinah qat 'iyyah*.

Undang-undang keterangan Islam di negara ini tidak memperuntukkan cara untuk melihat tahap kekuatan dalalah sesuatu *qarinah*. Kekuatan dalalah *qarinah* perlu dikenal pasti terlebih dahulu sebelum menerimanya sebagai keterangan. Apabila *qarinah* itu lemah, tahap keyakinan hakim untuk menerimanya berkurang. *Qarinah* yang lemah juga tidak boleh dijadikan hujah utama dalam penghakiman dan memerlukan keterangan lain yang dapat menyokong kekuatannya. Secara jelasnya, hakim memerlukan *qarinah* yang kuat sehingga tahap pasti dan yakin. Persoalannya ialah kewajaran untuk menetapkan tahap kekuatan *qarinah*. Jika tidak ditetapkan, adakah hakim tidak dapat membuat penghakiman? Pengkaji berpandangan bahawa ketiadaan ketetapan kekuatan dalalah *qarinah* sebegini dapat mengurangkan atau melemahkan dapatan hakim ketika membuat penghakiman. Seelok-eloknya, tahap kekuatan dalalah tersebut ditentukan agar hakim dapat membuat penilaian mudah terhadap kekuatan dalalah *qarinah* sebelum menerimanya. Seperti yang dinyatakan oleh Ibn Qayyim (t.t.), *qarinah* yang kuat akan diterima, manakala

yang lemah atau meragukan akan disiasat. Sekiranya tahap kekuatan *qarinah* tidak ditetapkan, dikhuatiri bahawa keadaan ini merumitkan daya keupayaan berfikir hakim ketika proses pembuktian kes, sama ada menerima *qarinah qat'iyah* atau *qarinah dha'ifah*, atau menolak *qarinah kaazibah*.

Secara realitinya, *qarinah* tidaklah 100% digunakan di mahkamah syariah kerana kekuatan kaedah pembuktian yang lebih tradisional, seperti ikrar atau syahadah, lebih tinggi. Kebanyakan ulama fiqh menerima syahadah sebagai kaedah pembuktian terkuat selepas ikrar (Mahmud Saedon, 1990). Sekiranya trend kes jenayah syariah yang telah diputuskan di mahkamah syariah diperhatikan, hakim mensabitkan kes dengan mengutamakan ikrar atau pengakuan salah tertuduh sebagai asas penghakiman. *Qarinah* yang diterima pula mengambil kira fakta pengakuan, di samping barang kes yang dirampas. Contohnya, bagi kesalahan meminum minuman yang memabukkan dalam kes *Ketua Pendakwa Syarie Wilayah Persekutuan lwn Che Faridah binti Che Man*, Kes Jenayah No.: 14400-139-0101-2018 (kes tidak dilaporkan), bertarikh 31 Januari 2019, atau kesalahan melakukan kesalahan persetubuhan luar nikah dalam kes *Pendakwa Syarie lwn Mohd Shah Rizan bin Hassan*, Kes Jenayah No.: 01100-142-0046-2006 (kes tidak dilaporkan) bertarikh 21 Mac 2006, sabitannya diasaskan dengan berdasarkan ikrar tertuduh. Barang kes yang ditender pula dijadikan ekshibit dan kekuatannya dikira sebagai keterangan sokongan. Meskipun begitu, peranan *qarinah* masih mustahak. Keterangan menjadi kuat sekiranya digabungkan dengan *qarinah* tertentu yang diperoleh dalam prosiding (Mohd Hairuddin Nizam, 2024). Ketiadaan *qarinah* dalam keadaan tertentu barangkali boleh mencatitkan mana-mana tuntutan atau pendakwaan sehingga menjadi tidak kukuh.

Konsep *qarinah qat'iyah* ini dinyatakan dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli Abdul Japar* [2007] 1 CLJ (Sy) 496. Analisis DNA dilakukan kerana wujud dua fakta. Pertama, anak dilahirkan tanpa ada suami. Kedua, Cik Murni (ibu bagi anak) mengenali tertuduh. Spesimen darah diambil daripada tiga orang penyumbang, iaitu Hasmawi Abdullah, Cik Murni dan tertuduh. Ujian DNA menunjukkan bahawa tertuduh merupakan bapa anak tersebut.

Kes Rosli Abdul Japar (supra) tidak membincangkan cabang permasalahan *qarinah*, namun menyatakan peranan *qarinah* dalam sabitan jenayah syariah. Menurut penghakiman Yang Arif Tuan Jasri Nasip Matjakir (pada ketika itu), wujud *qarinah* yang kuat tentang

hubungan antara tertuduh dengan Cik Murni sehingga menyebabkan persetubuhan haram dan kelahiran anak luar nikah. Malah, menerusi ujian DNA, terbukti bahawa terdapat hubungan darah antara anak yang dikandung dengan tertuduh. Mahkamah menerima keterangan pakar DNA berdasarkan Seksyen 86(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 1992 dan Seksyen 190 (1)(2) Enakmen Prosedur Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1993 dan membuat sabitan terhadap tertuduh di bawah Seksyen 80(1) Enakmen Kesalahan Jenayah (Negeri Sabah) 1995 dengan hukuman denda RM3,000 dan hukuman penjara dalam tempoh enam bulan sekiranya gagal membayar denda. Sungguhpun pemakaian keterangan DNA dalam kes ini lebih ke arah ujian kebapaan (paterniti) seperti yang digunakan dalam kes mal, mahkamah masih menerimanya sebagai asas penghakiman dan membuat kesimpulan berdasarkan hasil ujian DNA tersebut. Natijahnya, anak tersebut ialah anak luar nikah, sekali gus membuktikan perlakuan tertuduh yang melakukan persetubuhan haram.

Hal ini menunjukkan bahawa *qarinah qat'iyah* dapat ditentukan setelah dikenal pasti hubungan antara fakta isu dengan fakta lain yang tersembunyi. Pengemukakan keterangan DNA tersebut meningkatkan tahap kekuatan dalalah *qarinah*. Keterangan DNA tidak menjadi lemah dan meragukan walaupun berlaku pertentangan keterangan melalui pembuktian ujian DNA atau berlaku pertentangan keterangan saksi pembelaan, iaitu penafian tertuduh. Sekiranya ada pertentangan sekalipun, pihak pembelaan perlu membawa saksi untuk menunjukkan keputusan ujian DNA itu salah dan tidak mematuhi prosedur. Penafian tertuduh tidak membuktikan perlakuan persetubuhan tidak berlaku.

Sementara itu, dalam kes *Pendakwa Syarie lwn Mohd Shah Rizan bin Hassan*, Kes Jenayah No.: 01100-142-0046-2006 (kes tidak dilaporkan), bertarikh 21 Mac 2006, tertuduh membuat pengakuan salah terhadap pertuduhan melakukan persetubuhan luar nikah di bawah Seksyen 23(2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997. Pada ketika itu, pasangan tertuduh sedang mengandung lapan bulan. Yang Arif Tuan Muhammad Khaldun Mohamad Sharif di Mahkamah Tinggi Syariah Johor menyatakan bahawa *qarinah* melahirkan anak merupakan *qarinah* yang kuat yang menunjukkan bahawa berlakunya perbuatan zina, selain ikrar tertuduh sendiri dengan kerelaan sendiri tanpa dipaksa oleh sesiapaupun. Antara kes lain yang merujuk fakta kehamilan sebagai *qarinah* termasuklah kes *Pendakwa Syarie lwn Mohd Armozi Abd Ghani & Satu Lagi* [2006] 1 CLJ (Sy) 237; *Nur Ashida binti Abu Hanipah lwn Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor* [2008] JH (1429H) Jld. 27 Bhg 1 21; *Pendakwa*

Mahkamah Syariah Perak lwn Dewi Hayati [1988] *JH* (1409) H Jld VI Bhg 1 77; *Mohd Shah Rizan*, Kes Jenayah No.: 01100-142-0046-2006, (kes tidak dilaporkan), bertarikh 21 Mac 2006; *Mohd Armozi Abd Ghani* [2006] 1 *CLJ* (Sya) 237; *Nur Ashida binti Abu Hanipah* [2008] *JH* (1429H) Jld. 27 Bhg 1 21 dan banyak lagi. Walaupun hukuman terhadap tertuduh dalam semua kes ini berdasarkan pengakuan salah, asas penghakiman merujuk *qarinah* kehamilan.

Seksyen 23 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] mengambil kira beberapa kriteria mudah untuk sabitan dan hukuman bagi kesalahan persetubuhan luar nikah antara lelaki atau perempuan dengan pasangannya yang tidak sah dari sudut perkahwinan. Perkara ini diperuntukkan di bawah Seksyen 23 seperti yang berikut:

- (1) Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- (2) Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
- (3) Hakikat bahawa seorang perempuan hamil luar nikah hasil akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaannya adalah keterangan *prima facie* tentang pelakuan kesalahan di bawah subseksyen (2) oleh orang perempuan itu.
- (4) Bagi maksud subseksyen (3), mana-mana orang perempuan yang melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam tempoh yang kurang daripada enam bulan qamariah dari tarikh pernikahannya hendaklah disifatkan telah hamil luar nikah.

Enakmen negeri, seperti Seksyen 11 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985 (Pindaan 1987)[En. 4/87], Seksyen 25 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 [En. 9/95], Seksyen 60 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 [En. 4/92] dan Seksyen 80 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995 [En. 3/95] juga memperuntukkan kriteria tersebut. Menurut Ahmad Najib Mohd (2023),

qarinah qat'iyah juga ialah bukti *prima facie*. *Qarinah* yang tidak kuat memerlukan sokongan *qarinah* yang lain bagi membentuk rantai.

Peruntukan ini mengiktiraf *qarinah* kehamilan sebagaimana yang disepakati oleh ulama fiqh. Contohnya, Imam Maliki menerima sabitan berasaskan kehamilan dan pandangan beliau diraikan oleh Ibn Qayyim dan lain-lain ulama, seperti Ibn Taimiyyah, Ibnu Farhun dan Ibn Qudamah, sebagai keterangan yang kuat. Di Terengganu, pindaan seperti ini dilakukan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 [En. 7/01] yang diwartakan pada 30 Julai 2023 dengan menambah peruntukan tentang hamil atau melahirkan anak di luar nikah di bawah Seksyen 29A. Negeri Melaka tidak memperuntukkan kesalahan sedemikian, tetapi memaktubkan kesalahan bagi perbuatan sebagai persediaan melakukan persetubuhan luar nikah di bawah Seksyen 52 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 [En. 1/91].

Walau bagaimanapun, penjelasan tentang konsep *qarinah* tidak banyak disentuh dan digarapkan dalam penghakiman secara mendalam. Ulasan yang dimuatkan dalam alasan penghakiman biasanya hanya memetik peruntukan yang berhubung dengan *qarinah* dan sekadar menjadi autoriti. Kelemahan dan kekurangan untuk menjelaskan penggunaan *qarinah qat'iyah* secara lebih terperinci menjadi cabaran untuk menilai keberkesanan *qarinah* dari sudut undang-undang.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, ulama *mutaqaddimin* dan ulama *mutaakhirin* tidak teragak-agak untuk menerima *qarinah* sebagai suatu kaedah pembuktian yang diiktiraf oleh syarak dan dikemukakan di mahkamah dalam bentuk keterangan. Di Malaysia, Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] dan enakmen negeri menetapkan aspek fakta sebagai perkara yang paling mustahak. Fakta itu mestilah sesuatu yang benar, tanpa apa-apa keraguan atau perkhabaran dan sebagainya kerana pembuktian kes memerlukan kebenaran. *Qarinah* dapat dikenal pasti daripada fakta itu dan membantu hakim untuk membuat penghakiman.

Dalam konteks penggunaan *qarinah*, kekuatan dalalah *qarinah* memberikan kesan terhadap penerimaan fakta yang menjadi sandaran hakim untuk menghakimi sesuatu kes. Hakim seharusnya terlebih dahulu memastikan, sama ada *qarinah* yang dikemukakan berada pada peringkat yang begitu kukuh, iaitu *qat'iyah*, sebelum mempertimbangkan *qarinah* yang boleh diterima. Hal ini bermakna bahawa *qarinah qat'iyah* boleh

diterima setelah mahkamah berpuas hati dengan setiap keterangan yang dikemukakan ketika prosiding. Sekiranya kekuatannya tidak memuaskan, hakim perlu melakukan siasatan lanjut dengan mempertimbangkan *qarinah* lain yang dapat membantu mengukuhkan dapatan kes.

Atas dasar sebeginilah *qarinah* perlu diberikan perhatian semaksimum mungkin, termasuklah memantapkan penggunaan *qarinah qat'iyah* dalam undang-undang sehingga tahap keraguan yang terdapat pada konsep dan realitinya menjadi sifar. Peruntukan yang mengelirukan dan kabur, atau yang mengurangi kepentingan *qarinah qat'iyah* perlu dicadangkan untuk pindaan atau penambahan. Pengkaji berharap agar implikasi penggunaannya menjadi sesuatu yang kuat dan tidak mudah ditohmah pada masa akan datang, seterusnya mampu mengisi lakuna sedia ada.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu atas pembiayaan, serta pelibatan secara langsung semua pegawai syariah di Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dalam membantu menjayakan kajian ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Ahnaf Ahmad: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penganalisan data dan menyediakan draf asal dan draf akhir; Ramalinggam Rajamanickam dan Muhamad Helmi Md. Said: Semakan dan memberi cadangan penambahbaikan; Mohd Zamre Mohd Zahir: Pembaikan beberapa kata dan struktur ayat.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam penulisan ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Penulis mengakui bahawa penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan yang wujud antara pihak yang terlibat dalam kajian ini, sama ada dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abd al-Mun'im Faraj al-Siddah. (1954). *Al-ithbat fi al-mawaddi al-madaniyyah*. Matba'ah Mustafa al-Halabi.
- Abdul al-Qadir Ra Audah. (1992). *Al-tasyri' al-jana'i al-Islami Muqarana bil qanun al-wadaha'i*. Muassasah Ar-Risalah.
- Abdul Basir Mohamad. (2006). *Iqrar, syahadah dan qarinah dalam Undang-undang Sivil Islam*. Dlm. Siti Zalikah Md. Nor et al., *Al-Syariah Jilid 3: Undang-undang Keterangan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Karim Zaidan. (1997). *Nizam al-qadha' fil al-syariah al-Islamiyyah*. Risalah Publisher.
- Abdul Rahman Mustafa. (1988). *Prinsip undang-undang keterangan Islam: Satu pendekatan perbandingan*. Al-Rahmaniah.
- Abdullah Sulaiman Muhammad al-Ajlaani. (2006). *Al-qadha' bil qarain al-ma'asirah* (Juzuk 1). Salsalah Ar-Risa'il Al-Jami'ah.
- Abi Abdillah Muhammad Ahmad Abi Bakri al-Qurtubi. (2006). *Al-Jami' lil ahkam al-Quran* (Juzuk 19). Muassasah Ar-Risalah.
- Ahmad Abdul Muniem al-Bahi. (1965). *Min turuq al-Ithbat fi al-syariah wa fi al-qanun*. Dar al-Fikr al-Arabi.
- Ahmad Fathi Bahnasi. (1989). *Al-qisas fil fiqh al-Islami*. Dar al-Syuruq.
- Ahnaf Ahmah, Muhamad Helmi Md Said, Ramalinggam Rajamanickam & Mohd Zamree Mohd Zahir. (2024). *Qarinah mengikut hukum syarak dan undang-undang di Malaysia*. *Current Law Journal Unreported*, 1 CLJU (A).
- Ali Muhammad al-Sharif al-Jurjani. (1985). *Al-ta'rifat*. Maktabah Lubnan.
- Al-Nawawi. (1993). *Sahih muslim bi syarah al-Nawawi* (Juzuk 12). Dar al-Ma'rifat.
- Al-Qarafi. (t.t.). *Al-furuq*. Matba'ah al-'Ilm al-Kutub.
- Al-Quran: Tafsir pimpinan ar-rahman*. (2022). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Anwarullah. (2010). *Principles of evidence in Islam*. A.S. Noordeen.
- Bahagian Pendaftaran, Keurusetiaan dan Rekod. (2021, 23 April). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Putrajaya.
- Fakhruddin al-Razi. (1979). *Al-mahsul fi ilm usul al-fiqh* (Jilid 1). Maktabah al-Jamiah Imam Ibnu Saud.
- Hamid Sultan Abu Backer. (2010). *Janab's key to criminal procedure and evidence* (ed. ke-2). Janab (M) Sdn. Bhd. Law Books.
- Ibn Farhun. (1995). *Tabsirah al-hukkam fi usul al-aqdiyyah wa manahij al-ahkam* (Juzuk 2). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Hazm. (t.t.). *Al-Muhalla*. Maktabah al-tijari li al-tiba'ah wa al-nasyr wa al-tawzi'.
- Ibn Qayyim al-Jauziah. (t.t.). *Al-thuruq al-hukmiyah fi al-siyasah al-syar'iyyah* (Jil. 1). Dar al-Ilmi al-Fawa'id.
- Ibn Taimiyyah. (t.t.). *Majmu'fatwa* (Jil. 28). Maktabah al-Ma'arif.
- Ibrahim Anis. (1972). *Al-mu'jam al-wasit*. Darul al-Maarif.

- Ibrahem Muhammad al-Faez. (1983). *Al-Ithbat bil qara'in fil fiqh al-Islami*. Al-Maktabah Asaamah
- Lukman Abdul Mutalib & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2018). *Al-qarinah* (Circumstantial Evidence) dan peranannya dalam sabitan kes jenayah, munakahat dan kehartaan menurut Islam. Dlm. Zahari Mahad Musa et al. (peny.), *Isu-isu kontemporari syariah & undang-undang*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1990). *Undang-undang keterangan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Badrol Awang. (2022). Kepentingan memahami fakta kes dalam prosiding kehakiman: Analisis dari perspektif kehakiman Islam. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 34(2), 201–224. [https://doi.org/10.37052/kanun.34\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/kanun.34(2)no2)
- Mohd Saleh Ahmad. (2005). *Risalah ahkam*. Intel Multimedia and Publication.
- Mohd Saleh Ahmad. (2013). Kaedah-kaedah pembuktian dalam undang-undang jenayah syariah. Dlm. Abdul Karim Ali, Mohd Roslan Mohd Nor, *Undang-undang syariah di Malaysia*. Persatuan Ulama' Malaysia.
- Mohd Zamre Mohd Zahir, Tengku Noor Azira Tengku Zainudin, Ramalinggam Rajamanickam & Zainunnisaa Abd. Rahman. (2019). Arahan do not resuscitate (DNR) dalam sektor kesihatan dari perspektif undang-undang. *Akademika*, 89(Isu Khas 2).
- Muhammad al-Zuhaili. (2011). *Al-mu'tamad fil fiqhul Syafi'e* (Juz. 5). Darul Kalam.
- Mustafa Ahmad Zarqa'. (1989). *Syarah al-qawaid al-fiqhiyyah*. Darul Kalam.
- O. K. Rahmat. (1994). *Keadilan di dalam sistem mahkamah Islam*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Ruzman Md Noor. (2007). Pembuktian di mahkamah syariah". Dlm. Ahmad Hidayat Buang (peny.). *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*. Penerbit Universiti Malaysia.
- Ruzman Md Noor. (2012). Kajian semula terhadap undang-undang keterangan Islam. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (peny.), *Korpus undang-undang Islam di Malaysia: Semakan & cabaran*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ruzman Md. Noor. (2008). Kedudukan *bayyinah*, *syahadah* dan *qarinah* dalam penggubalan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 16(2), 1–23.
- Ruzman Md. Noor. (2015). Ulasan perundangan: Akta keterangan mahkamah syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 27(1), 195–200.
- Saleh Ibn Ghanim al-Sadlan. (1998). *Al-qara'in wa dauruha fi al-Ithbat fi al-syar'iyyah al-Islamiyyah*. Dar Balansiah.
- Samrut. (2007). *Al-qarinah wa asaruha fi Ithbat al-jarimah: Dirasah fiqhiiyyah muqarranah* (Jil. 1). Mansurah al-Halabi al-Huquqiyyah.

- Sayyid Sabiq. (1983). *Fiqh sunnah* (Jil. 3). Darul Fikr Liltoba'at wal Nasyar wal Tauziq.
- Siti Zalikhah Md. Nor. (2006). Beberapa aspek dalam undang-undang keterangan Islam. Dlm. Siti Zalikhah Md. Nor (Ed.), *Al-Syariah Jilid 3: Undang-undang keterangan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zalzaliza Zulkhafri, Hasani Mohd Ali, Mohd Zamre Mohd Zahir & Muhamad Sayuti Hassan. (2023). Enforcement against ponzi scheme, the fraudulent method to generate easy money in Malaysia. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 51(2), 19–23.
- Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom & Mohd. Munzil Muhamad. (2019). Kaedah pembuktian dalam Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan. *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 1–34.
- Syeikh Abdul Hamid al-Syarwani. (t.t.). *Hasyiah tuhfah al-muhtaj* (Jil.10). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Temu bual bersama Ahmad Najib Mohd, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Daerah Besut, Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu, Terengganu. 2 Februari 2020.
- Temu bual bersama Mohd Hairuddin Nizam Kamaruddin, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Ipoh, Jabatan Kehakiman Syariah Perak, Perak. 12 Mac 2024.
- Wahbah al-Zuhaili. (t.t.). *Al-uqubat al-syar'iyah wa al-aqdhiyyah wa as-syahadah* (Juz. 4).
- Wahbah al-Zuhaili. (1989). *Al-fiqh al-Islamiy wa 'adillatuhu*. Darul Fikr.
- Zulfakar Ramlee Saad. (2019). Prosecuting shariah offences in Malaysia: Evidentiary issues. *PETITA: Jurnal Kajian Ilmu Hukum dan Syariah*, 4(2), 131–140.
- Zulfakar Ramlee. (2007). *Al-qarinah*: Pemakaiannya dalam litigasi mal dan jenayah. Dlm. Nasimah Hussin (Ed.), *Undang-undang Islam: Jenayah, keterangan dan prosedur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulfakar Ramlee. (2015). Pembuktian dalam kes jenayah syariah di Malaysia: Isu dan penyelesaian. *Jurnal Hukum*.
- Zulkifly Muda. (2004). Penggunaan *qarinah* di mahkamah syariah di Malaysia: Kajian terhadap Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kelantan) 1991. Dlm. Mohammad Zaini Yahaya (Peny.), *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 13*. Universiti Kebangsaan Malaysia.